

09/03/2002

Tidak wajar peraturan lindungi penjenayah

SEPTEMBER lalu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada kadar segera meluluskan sebulat suara satu ketetapan meminta semua 189 negara anggotanya supaya tidak memberi kemudahan kewangan, sokongan atau melindungi pegganas. Didorong oleh usul tajaan Amerika Syarikat ketika serangan 11 September masih berbahang, semua negara anggota didesak menjadikan pembiayaan pegganas satu kesalahan jenayah. Pergerakan dana yang disyaki mempunyai kaitan dengan pertubuhan atau individu yang membiayai kegiatan pegganas hendaklah dibekukan akaun bank mereka. Dengan melabel tindakan itu sebagai usaha terakhir menarik semua negara menyertai pakatan antarabangsa menghalang pembiayaan kumpulan pegganas, ia dipatuhi tanpa pertikaian.

Persoalan kenapa usul berkenaan dilulus pada kadar segera tidak sukar dirungkai. Bukanlah rahsia selama ini bahawa PBB berada di bawah telunjuk Amerika sehingga apa juga usul negara kuasa besar itu boleh disamaertikan sebagai ketetapan badan dunia berkenaan. Sekalipun undang-undang sesetengah negara tidak membenarkan pendedahan maklumat mengenai transaksi perbankan, banyak negara yang tanpa dipaksa bersedia membuat pengecualian. Sama ada kerana mereka bersimpati dengan 'bencana' yang menimpa Amerika atau sekadar mahu mengambil hati Presiden George W Bush, Resolusi 1373 (2001) Majlis Keselamatan PBB, 28 September lalu itu mencapai banyak kejayaan.

Dalam tempoh kurang seminggu, sejumlah AS\$6 juta (RM22.8 juta) dan 50 akaun bank, termasuk 20 di luar Amerika, dibekukan. Namun, kalau diakui perlunya langkah menyekat aset individu atau pertubuhan pegganas, saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan dibenarkan mencapai akaun bank milik ahli politik atau pegawai yang disyaki rasuah, menuntut pertimbangan sewajarnya. Sebagaimana teguran Perdana Menteri kelmarin, sebilangan besar negara kini menjadi syurga selamat wang haram kerana wujudnya undang-undang yang menghalang proses siasatan terhadap transaksi atau akaun bank mereka yang disyaki.

Dalam hal ini, Malaysia turut memiliki pengalaman getirnya sendiri, terutama dalam memuktamadkan siasatan kes Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) yang menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion. Siasatan BPR tertumpu kepada keraguan di sebalik wang berjumlah RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing. Sebuah syarikat perunding asing yang mendapat sebahagian besar wang berkenaan, menyimpannya dalam akaun sebuah bank di Switzerland. Malangnya, ketika segala usaha dilakukan untuk mengenal pasti mereka yang terbabit, siasatan menemui jalan buntu kerana pihak berkuasa Switzerland enggan bekerjasama dan memberi sebarang keterangan kepada mahkamah.

Ketika percanggahan seperti itu dilihat sebagai sikap berpilih-pilih hanya apabila ia membabitkan kepentingan Amerika dan Barat amnya, Malaysia pula menganggapnya ketidakadilan yang amat ketara. Layanan dingin pihak berkuasa Switzerland dalam membantu siasatan kes Perwaja itu, umpamanya, seolah-olah membayangkan mereka merestui amalan rasuah. Selain ia menjadi dorongan kepada penjenayah untuk menyimpan wang haram di negara seperti itu, sebarang usaha untuk mengheret mereka ke muka pengadilan juga akan menempuh pelbagai kesukaran. Harus diakui bahawa pegganas bukanlah satu-satunya ancaman kepada dunia kerana mereka yang terbabit dengan rasuah juga boleh membankrapkan ekonomi sesebuah negara jika pelbagai sekatan undang-undang membenarkan mereka terlepas daripada sebarang tindakan.

(END)